

# UMS-Kedutaan Malaysia bincang jalin kerjasama penyelidikan bersama universiti Belanda

**UB 09.05.2023 P.01**

**THE HAGUE (Belanda):** Delegasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) diketuai Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor telah mengadakan perbincangan dua hala bersama Duta Besar Malaysia ke Belanda, Datuk Nadzirah Osman, di Pejabat Kedutaan Malaysia di The Hague, baru-baru ini.

Perbincangan tersebut menekankan hubungan strategik antara UMS dan institusi pengajian tinggi di negara itu dalam bidang pengurusan sumber air, pertanian pintar, minyak dan gas serta pengkomersialan produk menerusi kerjasama sinergi antara universiti, kerajaan dan industri.

Menurut Kasim, antara universiti di Belanda yang dikenal pasti berpotensi menjadi rakan strategik UMS termasuklah IHE Delft Institute for Water Education, Leiden University dan Delft University of Technology.

Katanya, universiti-universiti itu mempunyai

kekuatan dan kelebihan yang dapat menjadi sumber rujukan kepada UMS dalam bidang kepakaran masing-masing.

"IHE Delft Institute for Water Education mempunyai kepakaran dalam pengurusan sumber air, Leiden University dalam penyelidikan pertanian pintar dan bioteknologi, dan Delft University of Technology telah melahirkan pelbagai pengkomersialan produk hasil daripada penyelidikan para pelajar dan pensyarah mereka.

"Sebelum ini, UMS telah mempunyai hubungan dengan IHE Delft Institute for Water Education seawal tahun 2012 dan universiti ini sedang giat menjalankan penyelidikan bersama dengan Leiden University bagi menghasilkan vaksin ikan kerapu untuk tujuan sekuriti makanan.

"Kita juga berharap agar kerjasama akan terjalin dengan Delft University of Technology memandangkan UMS mempunyai

perancangan strategik untuk membangunkan hab pengkomersialan tersendiri bagi membantu warga universiti mengkomersialkan produk hasil penyelidikan dan inovasi," ujarnya.

Pada perbincangan tersebut, Nadzirah turut berkongsi mengenai peranan universiti-universiti di Belanda yang menyumbang ke arah kejayaan pengkomersialan produk melalui dana dan fasiliti yang disediakan oleh pihak industri.

Ia dilihat sebagai satu usaha meningkatkan tahap kompetitif serta menjamin kelestarian sebuah produk yang diterbitkan oleh universiti untuk syarikat-syarikat yang terlibat.

Perbincangan dua hala itu turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly dan Ketua Canselori Kedutaan Malaysia ke Belanda, Dr. Mohd. Norhisyam Mohd Yusof.



**TERIMA KASIH:** Kasim (dua kanan) menyampaikan cenderamata daripada UMS kepada Nadzirah.